



**KEMENTERIAN KEMAJUAN  
LUAR BANDAR DAN WILAYAH  
JABATAN KEMAJUAN MASYARAKAT**



**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA**

Tawaran adalah dipelawa daripada pembekal-pembekal **berstatus Bumiputera** yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan Malaysia** di dalam bidang berkaitan dan pendaftaran masih lagi berkuat kuasa bagi tawaran seperti berikut :-

BIL.	NO.RUJUKAN SEBUT HARGA	JENIS TAWARAN	KOD BIDANG	CATATAN
1	S1/2015	<b>Merekabentuk Mencetak Menjilid dan Menghantar Majalah Suara KEMAS Tahun 2014</b>	<b>221601</b> ePerolehan <i>enabled</i>	<b>Sebut harga ini hanya terbuka kepada syarikat beralamat atau mempunyai cawangan di Selangor/ W. Persekutuan KL/ Putrajaya sahaja. Dokumen Sebut Harga boleh diperolehi mulai <b>07 Januari 2015</b> melalui laman web ePerolehan dan akan ditutup pada <b>14 Januari 2015</b> jam 12.00 tengah hari.</b>

1. Sebut Harga ini akan dijalankan secara atas talian sistem ePerolehan. Walau bagaimanapun penyebut harga perlu menyerahkan dokumen tawaran secara manual dan atas talian. **Diingatkan agar penyebut harga menyemak HARGA TAWARAN DAN TEMPOH PEMBEKALAN adalah SAMA sebelum mengunci masuk ke dalam sistem dan pada dokumen manual.** Pihak Jabatan berhak untuk memilih mana-mana harga tawaran yang lebih rendah jika berlaku sebarang perbezaan.
2. Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam satu sampul surat berlakri, serta ditulis Nombor Sebut Harga (**contoh: X03610201001400XX**) dan Nombor Cadangan Penyebut harga (**contoh: Y03610201001401xxxx**) di sebelah atas kiri sampul surat dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran di **Bahagian Perolehan, Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah, Aras 7, No.47, Persiaran Perdana, Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62100 PUTRAJAYA** sebelum tarikh tutup iklan. Tawaran yang dihantar melalui pos hendaklah melalui pos berdaftar dan sampai **sebelum/pada** waktu yang telah ditetapkan.
3. Dokumen Tawaran Sebut Harga yang **lewat** diterima dan yang **tidak mempunyai nombor rujukan** seperti yang telah dinyatakan pada para 2 **tidak akan dipertimbangkan.**
4. Setiap transaksi bagi kontrak yang melibatkan hanya sekali bayaran (*one-time payment*) melalui sistem ePerolehan akan dikenakan fi perkhidmatan pada kadar sebanyak 0.8% dengan had maksimum RM9,600.00 bagi transaksi yang bernilai RM1.2 juta atau lebih; atau

Setiap transaksi bagi kontrak yang melibatkan beberapa kali pembayaran (*multiple payment*) melalui sistem ePerolehan akan dikenakan fi perkhidmatan pada kadar sebanyak 0.4% dengan had maksimum RM4,800.00 bagi pesanan yang bernilai RM1.2 juta atau lebih.